

Program Kecemerlangan Pendidik: Berkhidmat dengan Suci Hati

Adakah anda sentiasa berkhidmat dengan cemerlang?

Adakah anda ingin membantu rakan anda supaya mereka berkhidmat dengan suci hati?

Pengenalan

Guru adalah insan yang sangat dimuliakan di dalam Islam dan diberi kedudukan tinggi sesuai dengan peranannya yang memberi kesan kepada masa hadapan murid serta umat keseluruhannya. Program kecemerlangan ini bertujuan supaya membolehkan guru terus berkhidmat sebagai seorang khalifah dan terus menyumbangkan perkembangan sahsiah pelajar-pelajar khususnya pada zaman teknologi ini. Guru di zaman ini mempunyai cabaran yang sangat getir berhadapan dengan bukan sahaja kerenah anak-anak murid tetapi juga dengan semua kumpulan sasarannya.

Objektif Program

Program ini bertujuan untuk:

- Meningkatkan semangat dan memotivasikan guru-guru yang sedang berkhidmat di pusat pendidikan
- Mendedahkan teknik-teknik terkini untuk mengajar di institusi pendidikan
-

Hasil Pembelajaran

Selepas habis program ini, peserta akan berupaya untuk:

- Menjadi seorang pendidik yang bersemangat
- Memberikan sumbangan yang lebih daripada apa diminta oleh organisasi

Siapa Patut Hadir?

Semua Pendidik, cikgu-cikgu, pensyarah-pensyarah dan sesiapa yang melibatkan diri dengan bidang Pendidikan

Metodologi

Kajian kes, perbincangan forum, main peranan, pembentangan, gamifikasi

Kerangka Program

Masa	Hari Pertama
9.00am-1.00pm	Pendidik Pada Era Revolusi Industri 4.0 Dalam modul ini, peserta akan didedahkan dengan peranan dan tanggungjawab sebagai guru pada zaman teknologi ini. Cabaran-cabaran sebagai guru dan dilemma sebagai seorang guru. Teknik-teknik dan cara-cara untuk menangani cabaran tersebut akan didedahkan kepada para peserta supaya guru-guru menjadi lebih efisien dan efektif semasa melaksanakan tanggungjawab mereka.
1.00pm-2.00pm	Rehat
2.00pm-3.30pm	Teknik Pengajaran Gamifikasi Dalam modul ini, peserta belajar teknik mengaplikasikan teknik gamifikasi dalam proses pembelajaran. Teknik soalan Socrates akan masukan dalam teknik pengajaran ini. Setiap peserta akan melakukan latihan praktik untuk menjalankan teknik gamifikasi dalam sesi ini. Teknik gamifikasi ini dapat meningkatkan minat, fokus pelajar semasa mempelajari sesuatu ilmu yang baru ini.
3.30pm-5.00pm	Teknik keterlibatan Pelajar Semasa Pembelajaran Dalam sesi ini, peserta akan mempelajari cara-cara untuk meningkatkan keterlibatan (engagement) dengan pelajar. Teknik berkomunikasi, teknik berintaksi dan teknik keterampilan akan pelajar akan dikongsi bersama peserta-peserta dalam sesi ini. Selain itu, peserta akan mempelajari aplikasi Siddiq, fathona, tabligh dan amanah untuk meningkatkan keterlibatan pelajar.